

27 MAR 2001

DR MAHATHIR KE N.SEMBILAN JUMAAT INI

SEREMBAN, 27 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melakukan lawatan kerja sehari ke Negeri Sembilan pada Jumaat ini (30 Mac).

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata, Perdana Menteri akan memulakan lawatan dengan mengadakan perjumpaan tertutup bersama pemimpin dan anggota Umno Bahagian Jempol dan Jelebu di Dewan Besar Pejabat Daerah Jempol, Bandar Baru Serting, Jempol pada pukul 9 pagi.

"Perdana Menteri kemudian akan menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Yamtuan Radin, Kuala Pilah," katanya di sini, hari ini.

Selepas itu Perdana Menteri akan mengadakan perjumpaan tertutup dengan pemimpin dan anggota Umno Bahagian Kuala Pilah dan Tampin di Dewan Baru Majlis Daerah Kuala Pilah pada pukul 3 petang, katanya.

Sebelum berangkat pulang ke Putrajaya, Perdana Menteri akan mengadakan perjumpaan dengan ketua-ketua dan kakitangan jabatan kerajaan di Hotel Hilton, Seremban pada pukul 8 malam.

-- BERNAMA

RP PR